

25/06/2003

Manfaat untuk semua

Badrila Jamlus

PAKEJ Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan kerajaan bulan lalu bukan saja mampu merangsang pertumbuhann ekonomi negara, tetapi, turut memberi manfaat kepada kira-kira 400,000 petani, penternak, nelayan dan usahawan di seluruh negara.

Golongan ini yang juga menjadi pengeluar sumber makanan utama negara berperanan penting bagi memastikan pergantungan terhadap import bahan makanan dapat dikurangkan selari dengan usaha kerajaan menjadikan negara ini sebagai pengeksport bahan makanan menjelang 2010.

Sehubungan itu, usaha untuk memantapkan pengeluaran pertanian perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan termasuk merangka beberapa program yang berterusan untuk menjamin bekalan makanan dapat dihasilkan secara berterusan.

Kementerian Pertanian yang menjadi agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam usaha itu, memperuntukkan dana berjumlah RM2.85 bilion di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Effendi Norwawi, berkata peruntukan dana itu yang akan menjana pendapatan kira-kira RM5 billion kepada negara, akan digunakan bagi melaksanakan beberapa projek yang sudah dikenal pasti dalam sektor perladangan, penternakan dan perikanan.

Beliau berkata, sejumlah RM1 bilion diperuntukkan kepada Bank Pertanian Malaysia bagi projek Tabung untuk Makanan (3F), skim kredit mikro (RM500 juta), Amanah Ikhtiar Malaysia. (RM300 juta), dana untuk memperbaiki sistem penghantaran (RM300 juta dan RM750 juta bagi pembinaan bot nelayan.

"Dana ini akan disalurkan secepat mungkin kepada golongan ini dan diagihkan dalam tempoh setahun dari sekarang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dirangsang lebih pantas.

"Kita mahu melihat pengguna membelanjakan wang daripada hasil pendapatan mereka dan tidak disimpan begitu saja kerana ini secara langsung akan meningkatkan tahap perbelanjaan domestik negara," katanya dalam sesi taklimat khas kepada media tempatan baru-baru ini.

Skim Kredit Mikro misalnya menyediakan modal kepada peniaga atau usahawan kecil yang menjalankan perniagaan berkaitan aktiviti pertanian seperti penjaja, pengusaha restoran, pembekal bahan pertanian, pengeluar kraftangan dan kontraktor pertanian.

Buat permulaan, had maksimum untuk sesuatu pinjaman ialah RM20,000 dan jumlah pinjaman akan dikaji dari semasa ke semasa. Bank Pertanian mensasarkan 10,000 pinjaman bernilai RM100 juta yang akan diagihkan sehingga Ogos ini manakala 20,000 pinjaman lagi bernilai RM200 juta sehingga Disember 2003.

Program tabung, untuk makanan (3F) pula disasarkan kepada individu dan

syarikat yang menjalankan projek untuk meningkatkan pengeluaran pertanian

negara meliputi ketiga-tiga sektor iaitu pertanian, perikanan dan ternakan. Had maksimum untuk sesuatu pinjaman ialah RM5 juta.

Peruntukan berjumlah RM1 bilion adalah tambahan kepada program 3F yang sedang dilaksanakan sekarang dengan jumlah sasaran pinjaman ialah sebanyak

5,000 pinjaman meliputi 35 peratus untuk tanaman, perikanan (35 peratus) dan ternakan sebanyak 30 peratus.

Effendi berkata, Jabatan Pertanian yang menerima peruntukan RM73 juta akan mengagihkan dana itu kepada 2,938 petani membabitkan kawasan pertanian seluas 8,055 hektar dan dijangka menjana nilai bersih RM347 juta setahun.

Bagi Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), RM42.73 juta diperlukan untuk menjana pelbagai aktiviti berkaitan industri penternakan khususnya pengeluaran daging lembu, ayam, susu dan makanan haiwan.

Di bawah peruntukan kepada sektor perikanan, sebanyak RM700 juta akan membiayai pembinaan bot nelayan laut dalam bagi menggantikan 252 unit bot

yang disewa dari Thailand. Sebanyak 200 bot akan dibina pada peringkat permulaan.

Ketika ini 740 kapal nelayan laut dalam sedang beroperasi di seluruh negara dan bagi membangunkan industri perikanan, kerajaan mengeluarkan 1,100 permit baru kepada pengusaha berkelayakan.

Beliau berkata, bot itu akan menggunakan peralatan dan kelengkapan moden yang mampu membawa hasil tangkapan sebanyak 60,000 tan metrik ikan setahun

bernilai RM200 juta, manakala 6,000 hingga 8,000 bot gentian kaca baru bernilai RM10,340 seunit akan turut dibina bagi kegunaan nelayan tradisional.

Selain itu, sektor perikanan juga akan mendapat peruntukan RM12.6 juta bagi program pemuliharaan kolam membabitkan kawasan seluas 350 hektar kolam terbiar dengan 500 penternak.

Effendi berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM60 juta bagi program membangunkan kawasan seluas 5,000 hektar untuk dijadikan Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang akan membawa pulangan pendapatan kepada negara berjumlah RM150 juta setahun.

Kerajaan juga mengenal pasti kawasan 27,800 hektar bagi pembangunan akuakultur untuk menghasilkan tambahan pengeluaran ikan sebanyak 400,000 tan metrik menjelang 2005 dengan nilai pendapatan kira-kira RM3 bilion setahun.

Beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula memerlukan peruntukan RM17 juta untuk membaiki 77 jeti dan membina 27 jeti baru di seluruh negara yang bakal memberi manfaat kepada 84,000 nelayan.

Di bawah dana infrastruktur itu, sebanyak RM25 juta diperlukan untuk membina unjam ikan di 124 lokasi bagi meningkatkan jumlah stok ikan yang bakal memberi manfaat kepada kira-kira 30,000 nelayan tradisional.

Katanya, sebanyak RM270 juta pula akan digunakan bagi meningkatkan tahap sistem pengairan dan saluran serta jalan raya ke kawasan perladangan.